



## **DASAR PERMOHONAN PENGANJURAN KARNIVAL MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI**

### **1. Penganjur**

- i. Selaras dengan ulasan dan pandangan berkaitan dengan penganjuran Karnival sebagaimana surat daripada Setiausaha Kerajaan Johor (Cawangan Kerajaan Tempatan) rujukan K>T99/4 Jld.2(44) bertarikh 7 Disember 2006 antara lain menetapkan penganjur yang dibenarkan hendaklah terdiri sama ada daripada:-
  - i. Kerajaan Negeri;
  - ii. Pejabat Daerah; dan
  - iii. Pihak Berkuasa Tempatan.

### **2. Musim/ Tempoh**

Tempoh / masa maksima untuk mengadakan karnival adalah semaksima 2 minggu sahaja.

### **3. JenisBarang / Gerai Yang Dijual**

Jenis barangan yang boleh dijual adalah seperti berikut:-

- i. Barangan makanan/minuman;
- ii. Barangan serbaneka yang terdiri daripada kasut, pakaian, buku, barangan elektrik;
- iii. Barang buatan Malaysia; dan
- iv. Gerai korporat yang terdiri daripada syarikat kenderaan, hartanah, bank, syarikat telefon dan lain-lain.

Proviso: Walau dalam apa jua keadaan sekalipun, jualan barangan tiruan, cetak rompak, barangan dari luar adalah tidak dibenarkan. Ini bermakna hanya barang buatan tempatan sahaja yang dibenarkan.

### **4. Permohonan**

- i. **Pemohon perlu memajukan permohonan selewat-lewatnya 5 hari bulan pada setiap bulan bagi penganjuran bulan berikutnya.**
- ii. **Permohonan yang diterima lewat dari tarikh tersebut akan ditolak. Sekiranya masih berminat, penganjur perlu mengemukakan permohonan pada bulan berikutnya.**
- iii. **Permohonan yang tidak patuhi syarat juga akan ditolak;**
- iv. Dokumen sokongan perlu disertakan sepertimana berikut:-
  - a. **Kertas Kerja;**
  - b. Pelan susun atur termasuk ukuran khemah;
  - c. Jenis Jualan;
  - d. Salinan Sijil Kursus Pengendalian Makanan dan Suntikan Kesihatan yang ditetapkan jika melibatkan jualan makanan;
  - e. Surat Kelulusan daripada Pejabat Daerah sekiranya melibatkan hiburan;
  - f. **Surat Kelulusan daripada Polis dan lain-lain agensi terlibat (sekiranya berkaitan);**
  - g. **Surat Kebenaran Penggunaan Tapak (sekiranya menggunakan tapak persendirian); dan**
  - h. Sijil Pendaftaran Perniagaan, Syarikat atau Pertubuhan.

### **5. Tapak yang dibenarkan**

- i. Astaka Budaya Laman Tun Sri Lanang, Kota Tinggi (Kawasan jalanraya tidak dibenarkan); dan
- ii. Tapak cadangan lain (sekiranya perlu).

## 6. Kelulusan

Setiap permohonan hendaklah dibawa kepada pertimbangan Mesyuarat Kewangan dan Perkara Am Majlis Daerah Kota Tinggi.

## 7. Bekalan Elektrik dan Air

- i. Tiada bekalan elektrik dan air akan dibekalkan oleh Majlis; dan
- ii. Pemohon bertanggungjawab membuat permohonan penyambungan sementara dengan pihak TNB dan SAJ.

## 8. Penganjuran Tanpa Kebenaran

- i. **Tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap mana-mana penganjur yang membuat penganjuran sebelum kelulusan diberi oleh pihak Majlis;**
- ii. **Tindakan penguatkuasaan yang boleh dikenakan adalah seperti berikut:-**
  - a. **Notis 24 jam;**
  - b. **Kompaun Harian bagi setiap khemah RM500.00; dan**
  - c. **Sitaan.**

## 9. Syarat Kelulusan

- i. Tempoh kelulusan maksima yang dibenarkan hanyalah dua minggu sebagaimana surat daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor rujukan K>T.99/4 Jld.2(44) bertarikh 7 Disember 2006 sebagaimana **Lampiran B**;
- ii. **Pemasangan khemah hanya dibenarkan satu hari sebelum program;**
- iii. **Penganjur bertanggungjawab membuka khemah yang telah dipasang selewat-lewatnya 1 hari selepas tamat program;**
- iv. Tidak dibenarkan sebarang kerja pengorekan jalan;
- v. Semua pemasangan sepanduk hendaklah mendapat kelulusan Majlis;
- vi. Memastikan tidak menimbulkan kacau ganggu dan tiada kesesakan berlaku di lokasi hingga menyebabkan gangguan lalulintas sepanjang tempoh kelulusan;
- vii. Mengadakan kawalan keselamatan lalu lintas di lokasi termasuk tanda lalu lintas secukupnya seperti tanda awas, lencongan, kon keselamatan dan lampu amaran (pada waktu malam) dan perlu dimaklumkan kepada pihak Polis;
- viii. Penganjur adalah bertanggungjawab di atas kebersihan jalan/ taman dan ketenteraman sekeliling serta harta benda kerajaan;
- ix. Penganjur adalah bertanggungjawab sekiranya berlaku apa-apa kemalangan yang diakibatkan dari barang sewaan dan promosi;
- x. Pihak Majlis tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku apa-apa kemalangan semasa aktiviti berlangsung;
- xi. Pihak Majlis pada bila-bila masa akan **MEMBATALKAN** kelulusan ini sekiranya mendapat bantahan/aduan daripada orang ramai atau pun didapati pemohon tidak mematuhi syarat-syarat yang tidak ditetapkan tanpa memberi apa-apa notis dan amaran;
- xii. Pihak Majlis pada bila-bila masa akan **MEMBATALKAN** kelulusan ini sekiranya terdapat penganjuran program-program rasmi dikawasan tersebut;
- xiii. Majlis tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian dan tuntutan ganti rugi oleh pihak tuan apabila permit ini dibatalkan.